

## **CUEPACS mahu jumpa JPA bincang SST**

KUALA LUMPUR 20 Mac - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) akan mengadakan pertemuan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi membincangkan skim saraan baru perkhidmatan awam iaitu Sistem Saraan Transformatif (SST).

Presidennya, Datuk

Omar

Osman

(gambar)

berkata, pihaknya hanya tahu tentang SST ketika



perkara

berkenaan

diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-13 di Putrajaya baru-baru ini.

Menurutnya, CUEPACS telah menerima banyak pertanyaan daripada penjawat awam di negara ini yang masih tidak memahami dan keliru mengenai skim saraan baru itu.

“Oleh kerana SST merupakan perkara baharu, CUEPACS mahu penjelasan terperinci mengenainya menerusi satu perjumpaan dan perbincangan dengan JPA.

“Diharapkan pertemuan itu nanti dapat menjawab segala persoalan yang dilontarkan oleh para kakitangan awam di negara ini termasuk ahli CUEPACS yang masih tidak memahami mengenainya,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra Naib Canselor Bersama Kesatuan Kakitangan Am Universiti Putra Malaysia (Kepertama) di sini hari ini.